



TEKS UCAPAN ALUAN

**DATO' SRI SUBROMANIAM THOLASY
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**BERSEMPENA
PROGRAM KHIDMAT BAKTI MASYARAKAT (CSR)
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
MELAKA**

**TEMPAT:
PERKARANGAN
SEKOLAH KEBANGSAAN DUYONG
MELAKA**

**TARIKH:
4 NOVEMBER 2018 | AHAD**

Terima kasih kepada pengacara majlis,

YB. Dato' Ir Amiruddin Bin Hamzah,

Timbalan Menteri Kewangan Malaysia,

YB. Tuan Damian Yeo Shen Li,

Ahli Dewan Undangan Negeri, Duyong,

Yang Dihormati Tuan Hj Abu Bakar Bin Sahari,

Pengarah Pendidikan Negeri Melaka,

YBrs. Tuan Tuang A/L Aleong,

Pengarah Kastam Negeri Melaka,

Pegawai-Pegawai Kanan Kastam,

Guru-Guru Sekolah Kebangsaan Duyong, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, Penghulu, Jawatankuasa Masjid Laksamana Hang Tuah,

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan semua Penduduk Kampung Duyong yang saya hormati sekalian.

1. Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa Pintar, Hijau, Bersih, Salam Sayangi Malaysiaku Dan Salam Semarak Integriti Kastam.
2. Pertama-tamanya suka untuk saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia Negeri Melaka, Guru-Guru Sekolah Kebangsaan Duyong dan jawatankuasa-jawatankuasa kampung dalam menjayakan “**Program Khidmat Bakti**

Masyarakat”, anjuran Jabatan Kastam Negeri Melaka di Sekolah Kebangsaan Duyong yang penuh bersejarah ini.

***Kampong Duyong Perigi Hang Tuah,
Tempat Sejarah Negeri Melaka;
Selamat Datang Kami Persembah,
Program Khidmat Bakti Di Negeri Melaka.***

3. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan ucapan selamat datang dan sekalung penghargaan kepada **YB. Dato' Ir Amiruddin Bin Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia** dan seluruh tetamu kehormat serta para hadirin yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama memeriahkan **Majlis Perasmian Penutup Program Khidmat Bakti Masyarakat (CSR)** pada hari ini.
4. Saya turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada pihak sekolah kerana menyediakan tapak lokasi Program CSR pada kali ini.
5. Sesungguhnya kesudian **YB. Dato'** melapangkan masa untuk bersama-sama dengan Warga Kastam dan penduduk kampung dalam majlis yang bersejarah ini menyelitkan memori terindah dan amat bermakna kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
6. Saya difahamkan program telah bermula sejak semalam dengan pelbagai aktiviti telah diadakan.

7. Tahniah dan syabas kepada Jabatan Kastam Melaka dan penduduk kampung .

YB. Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

8. Program ini adalah program yang kita adakan setiap tahun.
9. Sebelum ini proram yang sama telah diadakan di Negeri Kedah dan Negeri Sembilan.
10. Ia diadakan dengan tujuan untuk mewujudkan kerjasama erat diantara penduduk kampung dan Jabatan Kastam dalam membanteras penyeludupan.
11. Sekolah ini telah dipilih kerana lokasinya yang amat strategi di mana berhampiran dengan laluan Lebuhraya AMJ dan Lebuhraya Utara – Selatan yang merupakan laluan aktif bagi aktiviti penyeludupan rokok khususnya.
12. Ia juga sebagai satu medium bagi mengenalpasti individu-individu yang berpotensi untuk dibentuk menjadi “**mata dan telinga**” atau ***listening post*** dengan menyalurkan maklumat kepada Jabatan Kastam.
13. Program Kempen Mencegah Penyeludupan ini akan dilaksanakan melalui dua peringkat iaitu peringkat pertama akan melibatkan mekanisme mendidik dan memberi kesedaran awam seperti lawatan ke premis perniagaan untuk menyampaikan jemputan menghadiri kempen disamping amaran awal tindakan undang-undang keatas kesalahan menjual barang tak berkastam khususnya rokok.

14. Ia diteruskan dengan program gaya hidup sihat dan aspek kerohanian seperti sukan, gotong royong, dan taklimat khas kempen mencegah penyeludupan serta pameran dan edaran risalah kempen.
15. Manakala di peringkat kedua menjurus kepada penguatkuasaan undang-undang dan akan diterjemahkan melalui operasi outlet yang akan dijalankan dari semasa ke semasa setelah selesai kempen bagi membentras dan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana individu yang ingkar dan terlibat dalam aktiviti penjualan, pengedaran, berurusan dengan rokok tak berkastam selaras dengan peruntukan undang-undang.
16. Impak yang disasarkan dari program ini untuk meminimakan pengguna, penjual dan orang awam daripada membeli, menjual atau berurusan dengan rokok tak berkastam.
17. Disamping itu melalui kempen ini juga diharapkan Jabatan Kastam berjaya dalam menjalinkan kerjasama dan menggunakan masyarakat setempat untuk menjadi "**mata dan telinga**" kerajaan dalam menyalurkan maklumat tentang sebarang aktiviti penyeludupan dikawasan ini dan kawasan sekitarnya.
18. Walaubagaimanapun kejayaan dan keberkesanan kempen serta impak ini hanya akan dapat diukur dan dilihat setelah selesai kempen dijalankan dan "**Ops. Outlet**" sempurna dilaksanakan.

YB. Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

19. Sehingga Ogos 2018, JKDM Melaka telah berjaya menyita rokok tak berkastam sebanyak **16,262,152 batang** yang melibatkan **nilai sebanyak RM1,473,747.92** dengan **cukai sebanyak RM6,882,917.56**.
20. Jabatan berharap dengan adanya program ini dapat memberi kesedaran kepada penduduk setempat perihal pentingnya pencegahan penyeludupan rokok.
21. Mengakhiri ucapan, saya dan seluruh Warga Kastam berharap dengan mengadakan program ini, kita dapat mewujudkan hubungan yang baik antara komuniti kampung dengan Jabatan Kastam dalam membanteras gejala penyeludupan.
22. Mudah-mudahan, usaha ini akan menjadikan sektor perkastaman dan percukaian negara terus subur dan mekar mengharum dalam memacu keutuhan prestasi cemerlang Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

*Dari Melaka Pergi Ke Pahang,
Singgah Temerloh Membeli Kerang;
Terima Kasih Kerana Datang,
Mohon Maaf Jika Terkurang.*

23. Sekian, terima kasih.

**DATO' SRI SUBROMANIAM THOLASY
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA
TARIKH: 4 NOVEMBER 2018**